

28 SEP 2003

Mahathir-Sikap (Bergambar)

RAKYAT MALAYSIA JANGAN ASYIK MERUNGUT SAHAJA, TEGUR DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur rakyat Malaysia secara amnya yang sering merungut dan membantah setiap kali kerajaan mahu melaksanakan sesuatu dasar atau projek yang sebenarnya menguntungkan mereka dalam jangka panjang.

Dr Mahathir yang baru pulang dari Monaco berkata, ketika berada di negara kecil Eropah itu yang terkenal dengan industri pelancongan serta memiliki antara pendapatan per kapita tertinggi di dunia, beliau mendapat tahu mengenai satu sikap yang unik di kalangan penduduk negara itu.

"Ketika perlumbaan Formula One di situ saya dapati satu sikap yang sangat menarik di kalangan penduduk Monaco. Seperti yang kita tahu, Monaco mengadakan perlumbaan F1 di tengah-tengah bandar Monte Carlo. Kita tahu perlumbaan F1 ini cukup bising. Tetapi penduduk tidak merungut.

"Sebab mereka tidak merungut ialah kerana ia satu acara yang menguntungkan. Mungkin tidak menguntungkan semua daripada mereka. Tetapi ia menguntungkan industri pelancongan di sana," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke luar negara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang dekat sini, hari ini.

"Kalau kita, kapal terbang lalu pun, kita dah marah. Kita orang kaya, jadi tak boleh tahan semua ni," katanya secara berseloroh.

Monaco merupakan destinasi terakhir Perdana Menteri yang sebelum itu melawat London, Stockholm (Sweden) dan New York.

Dr Mahathir membuat teguran itu ketika diajukan soalan mengenai kontroversi pembinaan Pusat Pemotongan Babi di Rawang, Selangor yang dikatakan boleh mencemarkan Sungai Selangor yang merupakan sumber air utama negeri itu dan juga Kuala Lumpur.

Penduduk tempatan sebelum ini telah menyatakan kebimbangan terhadap pembinaan pusat itu yang berharga RM30 juta di kawasan seluas 20 hektar oleh Kerajaan Negeri Selangor dan ia dijangka beroperasi Oktober ini.

"Kita kena jagalah. Kita boleh salurkan air itu, bersihkan air itu. Tentulah dia (Kerajaan Negeri Selangor) dah kaji dah," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebimbangan dan rungutan daripada orang ramai seringkali menjadi penghalang kepada projek-projek yang sebenarnya untuk kebaikan semua seperti projek Insinerator Thermal Pelupusan Sisa Pepejal di Broga dekat Dengkil, Selangor yang turut mendapat tentangan penduduk tempatan.

Katanya, pusat pemotongan babi di Rawang itu sebenarnya merupakan satu infrastruktur yang menjadikan industri itu lebih bersih, terurus dan sistematik.

Beliau menyingkap kembali ketika negara dilanda wabak Japanese Encephalitis (JE) yang berpunca daripada virus Nipah yang dibawa oleh babi di kawasan pemotongan haram yang tidak mengutamakan kebersihan.

"Kita JE pun kita tak mau, buat di mana pun kita tak mau, saya tak tau la apa yang kita nak. Akhirnya ia akan dibuat secara haram. Lepas tu kita marah la, pasal apa cara haram. Kerajaan tak buat ke? Jadi kerajaan nak buat cara sah, sah punya penternakan babi, dia tak setuju, semuanya tak setuju," kata Dr Mahathir.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sebelum ini telah memberi jaminan bahawa pusat itu akan ditutup sekiranya ia mencemari Sungai Selangor.

-- BERNAMA

RBZ KHY PR

